

Kebaikan Berdiam Diri

Daripada Anas bin Malik RA berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda:

الصَّمْتُ حِكْمَةٌ، وَقَلِيلٌ فَاعِلَةٌ

Maksudnya: “Sifat diam itu merupakan hikmat dan sedikit yang dapat melakukannya.”

Riwayat al-Baihaqi di dalam kitab al-Syuaab dengan sanad yang daif dan disahihkan oleh al-Hakim (2/458) bahawa hadis ini mauquf daripada kata Luqman al-Hakim. Dipersetujui oleh Imam al-Zahabi. Syeikh al-Albani mendaifkannya di dalam kitab Dhaif al-Jami’ (3555)

Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat, *diam* bermaksud *tidak bercakap (bersuara dan lain-lain) senyap, tidak bergerak-gerak atau berbuat apa-apa*. Sedangkan *berdiam* pula bermaksud *tidak bercakap-cakap, bergerak-gerak atau tidak melakukan sesuatu*.
2. Mengenai berkata yang baik atau diam, Rasulullah SAW menerangkan bahawa barangsiapa beriman kepada Allah dan hari kemudian maka hendaklah dia berkata yang baik atau diam. Justeru, Imam Syafie menyatakan, maka hadis ini bahawa apabila seseorang hendak berkata hendaklah dia berfikir. Apabila ternyata tidak ada bahaya atasnya maka bolehlah bercakap tetapi apabila berlaku sebaliknya, maka hendaklah dia diam. Abu al-Qasim al-Qusyairi

berkata: Diam yang tepat pada waktunya adalah perkara yang sangat mulia. Rasulullah SAW mengajar orang Islam supaya mengawasi perkataannya dan membiasakan diamnya. Kalau diam itu ada faedahnya. Tetapi kalau diam itu bukan pada tempatnya, maka sudah tentu dicela. Diam seperti ini ialah diam dari mengatakan yang haq dan menegur yang salah. Orang yang diam seperti inilah dikatakan syaitan bisu sebagaimana yang dikatakan oleh Ali al-Daqqaq.

3. Berkenaan dengan perkara berkata dan diam, ada hadis lain yang menegaskan seperti berikut daripada Muaz bin Jabbal RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّكَ لَنْ تَزَالَ سَامِيًا مَا سَكَتَ . فَإِذَا تَكَلَّمْتَ كُتِبَ لَكَ أَوْ عَلَيْكَ

Maksudnya: “*Sesungguhnya engkau sentiasa sejahtera selama engkau diam. Tetapi apabila engkau berkata, ditulis bagi engkau atau atas engkau (yang baik atau yang jahatnya).*”

Riwayat al-Haithami 10/303 dan al-Albani dalam Sahih al-Taghrib 2866

4. Ada peribahasa yang mengatakan: *Luka kerana lidah sama dengan luka disebabkan tangan. Lidah seperti seekor anjing gila yang bila tidak diawasi dia akan menerkam.*
5. Sayidina Jaafar bin Abi Talib RA dalam sajaknya berkata:

يَمُوتُ الْفَتَى مِنْ عَشْرَةِ بِلْسَانِهِ ❁ وَلَيْسَ يَمُوتُ الْمَرْءُ مِنْ عَشْرَةِ الرَّجْلِ
فَعَشْرَتُهُ مِنْ فِيهِ تَرْمِي بِرَأْسِهِ ❁ وَعَشْرَتُهُ بِالرَّجْلِ تَبْرَأَ عَلَى مُهْلٍ

Kerana tergelincirnya, meninggalnya pemuda,


Tergelincirnya kaki tidak mengapa,

Kerana lidah hilanglah kepala,

Luka di kaki sembuh seketika.

6. Di dalam buku *Don't be Afraid* karangan Ahmad Safuan al-Karami menyebut jenis-jenis diam iaitu:

- ❖ **Diam bodoh.** Iaitu diam kerana memang tidak tahu apa yang mesti diperkatakan. Hal ini disebabkan kekurangan ilmu pengetahuan dan kurang pengertiannya atau lemah pemahaman dan beberapa alasan yang lain. Namun diam ini jauh lebih baik dan selamat daripada memaksakan diri bercakap dan merasa tahu.
- ❖ **Diam malas.** Ia merupakan keburukan kerana diam ketika orang memerlukan percakapannya dia enggan bercakap kerana merasa tiada *mood* atau tidak berselera dan malas.
- ❖ **Diam sombong.** Ia termasuk diam negatif kerana dia bersifat diam berdasarkan anggapan bahawa orang yang mengajak bercakap tidak setaraf dengannya.
- ❖ **Diam khianat.** Diam seperti ini adalah diam orang jahat kerana dia diam bertujuan mencelakan orang lain seperti diam ketika diperlukan saksi untuk menyelamatkan. Justeru ia dianggap sebagai diam yang keji.
- ❖ **Diam marah.** Diam seperti ini ada baiknya dan buruknya. Baiknya adalah jauh lebih terpelihara dari perkataan keji yang lebih mengeruhkan suasana. Namun buruknya pula ialah dia berniat bukan mencari penyelesaian tetapi menunjukkan kemarahannya sehingga diamnya ini juga boleh menambah masalah.
- ❖ **Diam utama** atau disebut dengan nama diam aktif yang bersikap diam hasil dari pemikiran, renungan dan niat yang membuahkan keyakinan, bahawa dengan bersikap diam akan mendapat maslahat yang lebih besar berbanding bercakap.



Mutiara Hikmah

- ❖ **Pujangga berkata:** Menyendiri beberapa saat untuk merenungkan hal-hal yang anda hadapi untuk memperbaiki diri, untuk memikirkan akhirat dan untuk memperbaiki dunia.
- ❖ **Pujangga berkata:** Carilah bahagian anda dalam diam, sebab orang diam selalu disegani. Orang yang tidak banyak berbicara akan selalu dicintai, sedangkan bencana selalu lahir dari ucapan.

Kisah Teladan

Ibn Ijlan daripada Said al-Maqburi daripada Abu Hurairah RA berkata: Ada seorang memaki Abu Bakar al-Siddiq RA sedangkan ketika itu Rasulullah SAW duduk, maka Rasulullah SAW diam, begitu juga Abu Bakar RA diam kemudian ketika orang itu diam, Abu Bakar membalasnya maka segera Rasulullah SAW bangun dari tempatnya lantas dikejar oleh Abu Bakar RA sambil bertanya: “Ya Rasulullah SAW, dia memaki saya dan engkau diam, ketika itu saya jawab lantas engkau bangun dan pergi?” Jawab Rasulullah SAW: “Sesungguhnya Malaikat telah mengambil semua makian orang itu kepadanya ketika engkau diam dan ketika engkau menjawab caciannya, maka pergilah malaikat itu dan duduk syaitan, kerana itu saya tidak suka duduk di tempat yang ada syaitan.”

